

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENGURUSAN KAWASAN PERINDUSTRIAN

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kebanyakan kawasan perindustrian lama terutamanya kawasan perindustrian di dalam kawasan DUN Balakong mengalami masalah kekurangan peruntukan untuk membaiki atau menaiktaraf infrastruktur mereka kerana kawasan-kawasan ini belum diserahkan balik ke PBT dan hanya bergantung dengan peruntukan Persatuan Pengilang sekiranya kawasan tersebut mempunyai persatuan sebegini. Apakah usaha yang boleh dilakukan oleh pihak Kerajaan demi membantu dalam keadaan sebegini?

JAWAPAN:

- a) Persatuan Pekilang Industri Kampung Baru Balakong dibenarkan membuat penyerahan infrastruktur secara berperingkat kepada pihak MPKj. Pihak Persatuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat MPKj semasa permohonan penyerahan infrastruktur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : JALAN BARU DI ANTARA TAMAN UNIVERSITI INDAH SEK 1 DAN
TAMAN BUKIT SERDANG SEK 1**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek pembangunan jalan baru di antara Taman Universiti Indah Sek 1 dan Taman Bukit Serdang Sek 1?

JAWAPAN:

- a) Status projek pembangunan jalan baru di antara Taman Universiti Indah Sek 1 dan Taman Bukit Serdang Sek 1 adalah dalam proses lantikan Jurukur bagi pengambilalihan tanah serta proses lantikan juruperunding bagi rekabentuk jalan sambung tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENJIMATAN

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon data penjimatan yang berjaya dilakukan dari segi perolehan Kerajaan Negeri dari tahun 2016 sehingga 2019.

JAWAPAN:

- a) Pengalaman lima belanjawan yang lalu membuktikan Kerajaan Negeri mengamalkan perbelanjaan berhemah, memperkukuh budaya kerja cekap dan berintegriti dan menutup ruang pembaziran serta ketirisan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah berjaya mengurangkan belanjawan defisit kepada satu jumlah yang munasabah.

Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-off* mulai dari tahun 2015 bagi menilai semua tender dan sebut harga yang dipelawa secara terbuka. Dasar ini dirangka berteraskan konsep integriti dan nilai untuk wang (*value for money*).

Sejak tahun pelaksanaannya, sejumlah 595 projek dengan anggaran kos sebanyak RM 4 bilion telah dinilai. Hasil daripada pelaksanaan kaedah ini yang dibuat secara telus dan berintegriti, maka sehingga 31 Disember 2019, Kerajaan Negeri telah merekodkan penjimatan sebanyak RM 549.49 juta.

Data penjimatan bermula tahun 2016 sehingga 2019 adalah seperti berikut:-

TAHUN	ANGGARAN JABATAN (RM)	NILAI PEROLEHAN (RM)	PENJIMATAN (RM)
2016	1,227,454,314.37	1,003,288,098.55	224,166,215.82
2017	1,320,778,734.58	1,176,502,283.55	144,276,451.03
2018	476,532,222.54	410,613,905.59	65,918,316.95
2019	278,220,698.12	243,926,091.37	34,294,606.75

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PRESTASI KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM)
MENGURUSKAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN
PEMBERSIHAN AWAM DI NEGERI SELANGOR**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan dan kos perbelanjaan kepada KDEB untuk menguruskan pungutan sisa pepejal mengikut setiap PBT?

- b) Berapakah jumlah peruntukan dan kos perbelanjaan ke tapak pelupusan sampah pada tahun 2017, 2018, 2019 mengikut setiap Pihak Berkuasa Tempatan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PRESTASI KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM)
MENGURUSKAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN
PEMBERSIHAN AWAM DI NEGERI SELANGOR**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan dan kos perbelanjaan kepada KDEB untuk menguruskan pungutan sisa pepejal pada tahun 2017, 2018, 2019 mengikut setiap Pihak Berkuasa Tempatan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

**TAJUK : KEHADIRAN MPKK KAMPUNG BARU DAN KAMPUNG TRADISI DI
KUALA LANGAT**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah Kuala Langat sejak tahun 2018 sehingga sekarang di mana Pengerusi-pengerusi MPKK adalah dijemput hadir?
- b) Apakah kehadiran pengerusi-pengerusi ini?
- c) Senaraikan bilangan minit mesyuarat yang diterima oleh setiap MPKK sehingga sekarang.

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan Senarai Program Dan Aktiviti Anjuran Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah Kuala Langat **Bagi Tahun 2018 dan 2019** yang turut menjemput Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) hadir:

TAHUN 2018		
BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH
1.	Mesyuarat Kemasyarakatan Dan Hal Ehwal Kampung	Bil.1/2018 - 17 Januari 2018
		Bil.2/2018 - 26 Julai 2018
		Bil.3/2018 - 11 Oktober 2018
		Bil.4/2018 - 14 November 2018
2.	Majlis Forum Ehwal Islam Peringkat Daerah Kuala Langat	
3.	Majlis Keberangkatan DYMM Sultan Selangor Menziarahi Makam Al-marhum Sultan Abdul Samad, Bukit Jugra dan Makam Di Raja Kampung Bandar	25 April 2018

TAHUN 2018		
BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH
4.	Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat serta Perasmian Masjid juga Penyampaian Sumbangan Hari Raya Ihya' Ramadhan Peringkat Daerah Kuala Langat	07 Jun 2018
5.	Majlis Jamuan Teh Sempena menyambut Ulang Tahun Hari keputeraan Yang ke-72 DYMM Sultan Selangor	11 Disember 2018
6.	Lawatan VVIP/VIP ke Daerah Kuala Langat	20 April 2018
7.	Kursus Keusahawanan	18,19 Ogos 2018
8.	Peruntukan RM80,000.00	17,18 November 2018
9.	Operasi Gejala Sosial di bawah Program Generasi Idaman Selangor (GEMS)	07 September 2018
10.	Temasya Sukan Rakyat Tanjung Sepat di bawah Program Generasi Idaman Selangor (GEMS)	
11.	Hari Sukan Negara di bawah Program Generasi Idaman Selangor (GEMS)	
12.	Program Perkhemahan Perdana Sekolah Kebangsaan Teluk Panglima Garang di bawah GEMS	
13.	Program Desaku Bebas Sampah Jalanan di bawah GEMS	
14.	Karnival <i>Skill Changes Lives</i> di bawah GEMS	
15.	Pertandingan Mewarna Ceriakan Duniaku Tg.12 (2) di bawah GEMS	
16.	Penganjuran Karnival Program 3K Kampungku Kesayanganku	23 Dan 24 Februari 2018
17.	Pertandingan Pantai Angkat Negeri Selangor	30 September 2018
18.	Pertandingan Sungai Angkat Negeri Selangor	30 September 2018
19.	Program <i>Explorace</i> Tanjung. 12 (2)	2 Disember 2018

TAHUN 2019		
BIL	PROGRAM/AKTIVITI	MASA
1	Mesyuarat Kemasyarakatan Dan Hal Ehwal Kampung	Bil.1/2019 - 14 Mac 2019
		Bil.2/2019 - 16 April 2019
		Bil.3/2019 - 31 Julai 2019
		Bil.4/2019 - 5 November 2019
2.	Majlis Keberangkatan DYMM Sultan Selangor Menziarahi Makam Al-marhum Sultan Abdul Samad, Bukit Jugra dan Makam DiRaja Kampung Bandar	1 Mei 2019
3.	Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat serta Perasmian Masjid juga Penyampaian Sumbangan Hari Raya Ihya' Ramadhan Peringkat Daerah Kuala Langat	28 Mei 2019
4.	Majlis Jamuan Teh Sempena menyambut Ulang Tahun Hari keputeraan Yang ke-73 DYMM Sultan Selangor	11 Disember 2019
5.	Lawatan VVIP/VIP ke Daerah Kuala Langat	21, 22 Mac 2019
6.	Program Mini Karnival Usahawan Selangor (MEXUS) 2019	28 September 2019
7.	Program Sayangi Desa 2019	20 Oktober 2019
8.	Pertandingan Kampung Tradisi Terbaik Negeri Selangor 2019	01 November 2019
9.	Program <i>Go Green Community</i>	19 Oktober 2019
10.	Kebun Komuniti 2019	13 Oktober 2019
11.	Expo Explorace 2019	24 November 2019
12.	Pelantikan dan Penamatan Pengerusi MPKK & Setiausaha MPKK	31 November dan 31 Disember 2019

- b) Kehadiran Pengerusi MPKK di program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah Kuala Langat sejak tahun 2018 sehingga sekarang adalah berada pada tahap yang amat memuaskan.
- c) Bilangan minit mesyuarat yang diterima oleh Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat daripada setiap Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA KAMPUNG (MPKK)	JUMLAH MINIT MESYUARAT YANG DITERIMA	
		TAHUN 2018	TAHUN 2019
1	KG SG MANGGIS	5	10
2	KG BANTING	2	9
3	KG JENJAROM	1	11
4	KG SERI CHEEDING	4	11
5	KG JAYA SEPAKAT	1	5
6	KG SG LANG BARU	3	1
7	KG SG KELAMBU	0	5
8	KG OLAK LEMPIT	6	1
9	KG LABOHAN DAGANG	0	10
10	KG BKT CHANGGANG	6	9
11	KG RTB BUKIT CHANGGANG	3	7
12	KG KANCHONG DARAT	5	8
13	KG KANCHONG TENGAH	1	8
14	KG SG LANG TENGAH	2	4
15	KG MORIB & TALI AIR	0	4
16	KG KELANANG	1	7
17	KG ENDAH	5	1
18	KG SG BUAYA	3	3
19	KG BANDAR	5	10
20	KG SERI JUGRA	5	6
21	KG PERMATANG PASIR	1	4
22	KG SAWAH	2	5
23	KG MELAYU PULAU CAREY	0	3
24	KG SG RAMBAI	2	6
25	KG TELOK PANGLIMA GARANG	1	8
26	KG BT 9 KEBUN BARU	3	5
27	KG BT 10 KEBUN BAHARU	5	7
28	KG MEDAN	6	9
29	KG SIJANGKANG	4	5

BIL.	NAMA KAMPUNG (MPKK)	JUMLAH MINIT MESYUARAT YANG DITERIMA	
		TAHUN 2018	TAHUN 2019
30	KG SG JAROM	6	10
31	KG BATU LAUT	0	5
32	KG KUNDANG	0	2
33	KG TG SEPAT	0	4
34	KG TUMBUK DARAT	0	4
35	KG LADANG BATU	1	11
36	KG TG SEPAT INDAH	1	9

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PRESTASI AHLI-AHLI MAJLIS

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kehadiran setiap Ahli Majlis dalam mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Penuh Majlis di Selangor selain MDKL dan MBPJ bermula Julai 2018 hingga sekarang.
- b) Nyatakan peratusan kegunaan peruntukan zon untuk setiap Ahli Majlis di Selangor selain MDKL dan MBPJ bermula Julai 2018 hingga sekarang.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Rumusan kehadiran Ahli Majlis dalam Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Penuh Majlis yang diadakan di setiap PBT seperti Jadual di bawah dan Perincian pada Lampiran Yang dikemukakan.

Kehadiran Ahli Majlis Bagi Mesyuarat Jawatankuasa

PBT	AHLI MAJLIS	MESYUARAT JAWATANKUASA	BILANGAN KEHADIRAN		
			(Julai – Dis 2018)	(Jan – Dis 2019)	(Jan – Feb 2020)
MBSA	Seperti lampiran	Seperti lampiran	723	1603	338
MPK			347	845	138
MPAJ			207	482	79
MPSJ			289	735	112
MPS			239	700	128
MPKj			326	1024	168
MPSp			469	1009	78
MDHS			314	755	120
MDKS			205	454	46

PBT	AHLI MAJLIS	MESYUARAT JAWATANKUASA	BILANGAN KEHADIRAN		
			(Julai – Dis 2018)	(Jan – Dis 2019)	(Jan – Feb 2020)
MDSB			216	424	80

Kehadiran Ahli Majlis Bagi Mesyuarat Penuh Majlis

PBT	AHLI MAJLIS	MESYUARAT PENUH MAJLIS	BILANGAN KEHADIRAN		
			(Julai – Dis 2018)	(Jan – Dis 2019)	(Jan – Feb 2020)
MBSA	Seperti lampiran	Mesyuarat Penuh MBSA	139	278	47
MPK		Mesyuarat Penuh MPK	100	264	44
MPAJ		Mesyuarat Penuh MPAJ	131	255	42
MPSJ		Mesyuarat Penuh MPSJ	126	251	41
MPS		Mesyuarat Penuh MPS	130	257	42
MPKj		Mesyuarat Penuh MPKj	102	251	43
MPSp		Mesyuarat Penuh MPSp	158	257	20
MDHS		Mesyuarat Penuh MDHS	105	273	48
MDKS		Mesyuarat Penuh MDKS	105	257	40
MDSB		Mesyuarat Penuh MDSB	95	271	47

- b) Rumusan peratusan kegunaan peruntukan zon untuk setiap Ahli Majlis adalah seperti di bawah:

PBT	ZON	NAMA AHLI MAJLIS	PERATUSAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN MENGIKUT ZON		
			(Julai – Dis 2018)	(Jan – Dis 2019)	(Jan – Feb 2020)
MBSA	Seperti Lampiran		98.96 %	99.63%	17.30%
MPK			80.00%	90.00%	-
MPAJ			67.24%	95.75%	25.90%
MPSJ			98.20%	89.03%	-
MPS			89.91 %	94.16%	16.50%
MPKj			99.00%	98.70%	14.65%
MPSp			98.39%	98.99%	14.98%
MDHS			98.25%	98.70%	-
MDKS			90.19%	97.9%	-
MDSB			78.70%	93.68%	19.36%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

**TAJUK : INFRASTRUKTUR SUKAN DI BAWAH PORTFOLIO JAWATANKUASA
TETAP PEMBANGUNAN GENERASI MUDA DAN SUKAN**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan setiap satu peruntukan yang diproses di bawah portfolio Jawatankuasa Tetap ini untuk tujuan penyelenggaraan dan naiktaraf infrastruktur sukan di setiap daerah untuk setiap tahun sejak tahun 2013 sehingga sekarang.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat menitikberatkan aspek pembangunan sukan dan sangat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor. Justeru itu, penyediaan kemudahan sukan untuk menggalakkan penglibatan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti kesukanan tidak pernah diabaikan.

Untuk makluman, keperluan pembaikan kemudahan sukan di peringkat Dewan Negeri adalah bagi memastikan kemudahan sukan yang telah rosak dapat dinaiktaraf untuk digunakan oleh masyarakat setempat dan seterusnya ini boleh digunakan sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kesukanan dan riadah bagi melahirkan masyarakat yang sihat, aktif dan berdaya saing.

Berikutan, bermula pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM800,000.00 bagi tujuan ini. Seterusnya, untuk makluman jua, bermula pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah meluluskan untuk meningkatkan peruntukan bagi Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan di peringkat DUN yang mana peruntukan asal adalah sebanyak RM1,120,000.00 telah dinaikkan kepada RM2,240,000.00 iaitu dengan pertambahan daripada RM20,000.00 kepada RM40,000.00 bagi setiap DUN di seluruh Negeri Selangor. Peningkatan jumlah peruntukan ini dapat membantu dalam memastikan fasiliti dan kemudahan sukan dapat dibaikpulih untuk kegunaan orang awam bagi menjalankan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi.

Senarai projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Kemudahan Sukan 2013 sehingga 2019 sebagaimana di **Lampiran 1**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PRESTASI YDP, TYDP DATUK BANDAR DAN TIMBALAN DATUK
BANDAR PBT**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kehadiran setiap YDP, TYDP, Datuk Bandar dan Timbalan Datuk Bandar dalam mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Penuh Majlis di Selangor selain MDKL dan MBPJ bermula Julai 2018 hingga sekarang.
- b) Berikan latar belakang akademik dan jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh pegawai-pegawai ini sebelum dilantik ke jawatan sekarang.

JAWAPAN:

- a) Untuk Makluman Ahli-ahli yang berhormat kehadiran YDP, TYDP, Datuk Bandar dan Timbalan Datuk Bandar dalam mesyuarat jawatankuasa adalah seperti perincian kehadiran seperti berikut:-

PBT	PERKARA	BILANGAN KEHADIRAN (JULAI 2018 – FEBRUARI 2020)	
		MESYUARAT JAWATANKUASA	MESYUARAT PENUH MAJLIS
MBSA	DB	175	14
	TDB	179	14
MPK	YDP	117	14
	TYDP	38	6
MPAJ	YDP	143	20
	TYDP	169	20
MPSJ	YDP	142	18
	TYDP	162	18
MPS	YDP	75	10
	TYDP	80	13

PBT	PERKARA	BILANGAN KEHADIRAN (JULAI 2018 – FEBRUARI 2020)	
		MESYUARAT JAWATANKUASA	MESYUARAT PENUH MAJLIS
MPKj	YDP	153	15
	TYDP	194	17
MPSp	YDP	81	9
	TYDP	114	13
MDHS	YDP	151	18
	TYDP	152	17
MDKS	YDP	48	17
	TYDP	91	20
MDSB	YDP	107	18
	TYDP	97	17

b) **BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : RUMAH PRIHATIN

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan rumah prihatin yang bernilai tidak melebihi RM30,000 yang telah dibina di Kuala Langat sejak tahun 2013 hingga sekarang. Sila beri senarai penuh mengikut tahun.

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada persoalan Yang Berhormat Banting, sejak tahun 2013 sehingga kini, had siling bagi sebuah rumah yang dibina di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin adalah melebihi RM30,000.00. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2010 sehingga 2017, Kerajaan Negeri telah menetapkan had siling berjumlah RM35,000.00 bagi seunit rumah 3 bilik berkeluasan 660 kaki persegi. Walau bagaimanapun, had siling ini telah dinaikkan kepada RM50,000.00 mulai tahun 2017 dan digunapakai sehingga kini berdasarkan harga pasaran barang mentah dan keperluan semasa. Berikut adalah merupakan butiran kenaikan had siling di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin dari tahun 2001 sehingga kini :

TAHUN	REKA BENTUK RUMAH	SAIZ	HAD SILING (RM)
2001	3 Bilik Tidur	560 kaki persegi	15,000.00
2002	3 Bilik Tidur	560 kaki persegi	17,000.00
2004	3 Bilik Tidur	560 kaki persegi	18,350.00
2006	3 Bilik Tidur	560 kaki persegi	20,000.00
2008	3 Bilik Tidur	560 kaki persegi	25,000.00
2009	3 Bilik Tidur	660 kaki persegi	30,000.00
2010	3 Bilik Tidur	660 kaki persegi	35,000.00
2017	3 Bilik Tidur	660 kaki persegi	50,000.00

Untuk makluman Yang Berhormat Banting, penerima manfaat di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin bagi daerah Kuala Langat sejak

tahun 2013 sehingga kini adalah seramai 98 keluarga. Butiran penuh mengikut tahun adalah seperti di Lampiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN DEWAN ORANG RAMAI DI BAWAH PEJABAT
DAERAH KUALA LANGAT**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah Dewan Orang Ramai (DOR) yang masih diletakkan di bawah bidang kuasa dan penyelenggaraan Pejabat Daerah Kuala Langat sehingga sekarang.
- b) Terangkan secara ringkas kerosakan yang ada pada setiap DOR ini serta kos pembaikan.
- c) Apakah status terkini berkenaan arahan untuk menyerah peruntukan dan tugas penyelenggaraan DOR ini kepada MDKL?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PROJEK PENUKARGANTIAN PAIP AIR

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk menukarganti paip air lama untuk tahun 2020?
- b) Senaraikan projek-projek penukargantian paip air yang telah diluluskan untuk tahun 2020 dan sudah bermula.
- c) Senaraikan juga projek-projek penukargantian paip air yang telah bermula pada tahun 2019 tetapi masih belum selesai sehingga sekarang.

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2020, Air Selangor telah memperuntukkan pembelanjaan modal atau CAPEX sejumlah RM142.5 Juta bagi melaksanakan Program Penggantian Paip yang dibiayai melalui peruntukan dalaman Air Selangor.
- b) Sebanyak 133 Program penggantian paip telah dianugerahkan secara berperingkat bermula Januari 2020 sehingga Mac 2020 dan senarai hotspot adalah seperti berikut:

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
1.	Gombak	Jinjang Utara	Jln Nanyang Estate
2.	Gombak	Kampung Ampang Campuran	Lorong Ikan Emas 13
3.	Gombak	Kampung Ampang Campuran	Lorong Ikan Emas 12
4.	Gombak	Kampung Ampang Indah/Kampung Indah Permai	Jalan Indah 7
5.	Gombak	Kepong Baru	Jalan Helang Laut (Jalan 70)
6.	Gombak	Kepong Baru	Jalan Lang Perut Putih
7.	Gombak	Kepong Baru	Jln Helang Jambu (Jln 68)
8.	Gombak	Kepong Baru	Jln Lang Hitam
9.	Gombak	Kg Klang Gate	Jln Rusa
10.	Gombak	Kg Pasir	Jln Hj Moktar
11.	Gombak	Kg Selayang Permai	Jln Permai 8
12.	Gombak	Taman Sri Melati	Jalan Melati 1

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
13.	Gombak	Taman Sri Melati	Jalan Melati 5
14.	Gombak	Taman Sri Melati	Jalan Melati 7
15.	Gombak	Taman Sri Segambut	Jalan Udang Galah 3
16.	Gombak	Tmn Bkt Ampang	Jln Mutiara
17.	Gombak	Tmn Selayang Jaya	Jln Sj 24
18.	Gombak	Tmn Selayang Satu Pkns	Jln 1
19.	Gombak	Tmn Ukay Heights	Jln Teberau 1
20.	Hulu Langat	Jalan Hulu Langat (Batu 16)	Jalan Hulu Langat (Batu 16) - 250mm (Kiri)
21.	Hulu Langat	Jalan Hulu Langat (Batu 16)	Jalan Hulu Langat (Batu 16) - 250mm (Kanan)
22.	Hulu Langat	Kampung Sireh	Jalan Sireh 5
23.	Hulu Langat	Kg Melaka	Jln Dato Alias
24.	Hulu Langat	Kg Pasir Baru	Jln Sg Lalang
25..	Hulu Langat	Kg Rinching Hulu	Jln Kg Rinching Hulu
26.	Hulu Langat	Kg Sesapan Batu Minangkabau	Jln Sesapan Minangkabau
27.	Hulu Langat	Kg Sesapan Batu Rembau	Jln Sesapan Batu Rembau
28.	Hulu Langat	Kg Sesapan Kelubi	Jln Sesapan Kelubi
29.	Hulu Langat	Kg Sg Jai	Jln Hj Mohd Nor
30.	Hulu Langat	Kg Sg Kantan	Jln Ghazali
31.	Hulu Langat	Kg Sg Kantan	Jln Melati 2
32.	Hulu Langat	Kg Sg Michu	Jln Sg Michu
33..	Hulu Langat	Pekan Kajang	Jalan Low To Kok
34.	Hulu Langat	Seksyen 13 Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi	Jln P/1
35.	Hulu Langat	Taman Sri Nanding	Persiaran Intan
36.	Hulu Langat	Taman Sungai Jelok	Jalan 1
37.	Hulu Langat	Taman Tan Sri Manickavasagam	Jalan 4
38.	Hulu Langat	Tmn Damai Jaya	Jln Damai 9
39.	Hulu Langat	Tmn Dusun Jaya	Jln 1/1
40.	Hulu Langat	Tmn Kota Cheras	Jln TKC 1/6
41.	Hulu Langat	Tmn Megah, Cheras	Jln Megah
42.	Hulu Selangor	Ampang Pecah	Jalan Masjid
43.	Hulu Selangor	Bandar Sungai Buaya	Jalan Cemperaisari 1e
44.	Hulu	Batu Arang	Jln Tenaga

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
	Selangor		
45.	Hulu Selangor	Bdr Sg Buaya	Jln Kasturi Sari 2a
46.	Hulu Selangor	Felda Sg Tenggi	Jln Putri
47.	Hulu Selangor	Felda Sg Tenggi Selatan	Jln Sukun (Jln Masjid)
48.	Hulu Selangor	Kampung Bilal	Jalan Utama Kg Bilal
49.	Hulu Selangor	Kampung Gumut Tambahan	Jalan Kubur Lama
50.	Hulu Selangor	Kampung Orang Asli Ulu Tamu	Jalan Hulu Tamu
51.	Hulu Selangor	Kampung Ulu Kalong	Jalan Kg Ulu Kalong
52.	Hulu Selangor	Kg Gumut Tambahan	Lorong 4
53.	Hulu Selangor	Kg Gumut Tambahan	Jln Kg Gumut Tambahan
54.	Hulu Selangor	Kuarters Jkr Kkb	Jln Pahang (Kuarters Jkr Kkb)
55.	Hulu Selangor	Loji Kalumpang	Jalan Ke Loji Kalumpang
56.	Hulu Selangor	New Green Park	Jalan Ngp 1
57.	Hulu Selangor	New Green Park	Jalan Ngp 1/4
58.	Hulu Selangor	New Green Park	Jln Waterfall
59.	Hulu Selangor	New Green Park	Jln Ngp 1/1
60.	Hulu Selangor	Pekan Kkb	Jln Kolam Air
61.	Hulu Selangor	Rumah Murah Padang Golf Kkb	Jln Padang Golf
62.	Hulu Selangor	Taman Bukit Bunga	Jalan Bunga Raya
63.	Hulu Selangor	Taman Bukit Bunga	Jalan Bunga Ros
64.	Hulu Selangor	Taman Sri Hijau	Jalan Sri Hijau 3

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
65.	Hulu Selangor	Taman Sri Hijau	Jalan Sri Hijau 4
66.	Hulu Selangor	Taman Sri Rawang	Jalan Sri Rawang 1
67.	Hulu Selangor	Tmn Genting Permai	Jln Genting Permai Utama
68.	Klang/Shah Alam	Kampung Batu Belah	Jalan Bahagia
69.	Klang/Shah Alam	Kampung Rantau Panjang	Lorong Musran
70.	Klang/Shah Alam	Kampung Tok Muda	Jalan Benteng Kanan
71.	Klang/Shah Alam	Kawasan 13	Jln Pekeliling
72.	Klang/Shah Alam	Kg Batu Belah	Jln Labis 65
73.	Klang/Shah Alam	Kg Bkt Kapar	Jln Hj Alias
74.	Klang/Shah Alam	Kg Bkt Kapar	Jln Sebaya
75.	Klang/Shah Alam	Kg Bkt Lanchong	Lrg Ikan Kelisa 8
76.	Klang/Shah Alam	Kg Budiman	Jln Hamzah
77.	Klang/Shah Alam	Kg Johan Setia	Jln Johan Setia
78.	Klang/Shah Alam	Kg Rantau Panjang	Jln Palembang
79.	Klang/Shah Alam	Kg Sg Kembong	Jln Sidang Adnan
80.	Klang/Shah Alam	Kg Sg Pinang (Kapar)	Jln Goh Hock Huat
81.	Klang/Shah Alam	Kg Sg Pinang (Pulau Indah)	Jln Sidang Mohd Sidin
82.	Klang/Shah Alam	Pandamaran	Jalan Jati
83.	Klang/Shah Alam	Pandamaran	Jln Raja Lumu
84.	Klang/Shah Alam	Persiaran Dato Menteri	Persiaran Dato Menteri
85.	Klang/Shah Alam	Persiaran Kayangan	Persiaran Kayangan

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
	Alam		
86.	Klang/Shah Alam	Persiaran Masjid	Persiaran Masjid
87.	Klang/Shah Alam	Persiaran Pegawai	Persiaran Pegawai
88.	Klang/Shah Alam	Persiaran Raja Muda	Persiaran Raja Muda
89.	Klang/Shah Alam	Seksyen 11 Shah Alam	Jalan Semerit 11/10
90.	Kuala Langat	Kampung Kanchong Darat	Jalan Bambu
91.	Kuala Langat	Kampung Sungai Manggis	Jalan Duku
92.	Kuala Langat	Kampung Sungai Nangka	Jalan Sg Nangka
93.	Kuala Langat	Kampung Teluk Mengkuang	Jalan Teluk Mengkuang
94.	Kuala Langat	Kg Pulau	Jln Kg Pulau
95.	Kuala Langat	Kg Sijangkang (Bt 8)	Jln Samy
96.	Kuala Langat	Kg Teluk Bunut	Jln Telok Bunut
97.	Kuala Langat	Taman Delima	Jalan Delima 3
98.	Kuala Langat	Taman Halijahton	Jalan Amal
99.	Kuala Lumpur	Kampung Attap	Jalan Belfield
100.	Kuala Lumpur	Kampung Attap	Jalan Choo Cheng Kay
101.	Kuala Lumpur	Taman Maluri	Jalan Jejaka 9
102.	Kuala Lumpur	Taman Nirwana	Jalan Nirwana 9
103.	Kuala Lumpur	Taman Tunku	Jalan Lembah Tunku
104.	Kuala Selangor	Kg Api-Api	Psn Permatang Tengah
105.	Kuala Selangor	Kg Bkt Badong	Jln Hj Abd Manan

No.	Wilayah	Hotspot	Nama Jalan
106.	Kuala Selangor	Kg Sg Sireh	Lrg 12
107.	Kuala Selangor	Kg Sg Sireh	Lrg 11
108.	Kuala Selangor	Kg Sg Yu	Jln Ara Ban 1
109.	Petaling	Jalan Utara, Petaling	Jalan Utara
110.	Petaling	Kampung Malaysia Tambahan	Jalan 1/141
111.	Petaling	Kg Ldg Baru Sg Plong	Jln Bayam
112.	Petaling	Seksyen 1, Petaling Jaya	Seksyen 1, Petaling Jaya
113.	Petaling	Seksyen 2, Petaling Jaya	Seksyen 2, Petaling Jaya
114.	Petaling	Seksyen 14 Petaling	Jln 14/20
115.	Petaling	Seksyen 14 Petaling	Jalan 14/29
116.	Petaling	Seksyen U9 Shah Alam	Jln Merah Kesumba U9/18
117.	Petaling	SS 1 Kg Tunku	Jln SS 1/32
118.	Petaling	SS 1 Kg Tunku	Jln SS 1/38
119.	Petaling	SS12	Jalan SS 12/1a
120.	Petaling	SS 12	Jalan SS 12/1
121.	Petaling	SS 13	Jalan SS 13/4
122.	Petaling	SS 4c	Jalan SS 4c/7
123.	Petaling	SS 6	Jln SS 6/1
124.	Petaling	Taman Angkasa	Jalan 6/153a
125.	Petaling	Taman Kanagapuram	Jalan 18/14
126.	Petaling	Taman Serdang Utama	Jalan 14/3e
127.	Sepang	Desa Putra	Jalan Besar / Jalan Mat Din
128.	Sepang	Kampung Sungai Merab Luar	Jalan Bukit 1
129.	Sepang	Kg Bkt Unggul	Lrg Sentosa
130.	Sepang	Kg Giching Hilir	Jln Hj Borhan
131.	Sepang	Kg Jenderam Hulu	Jln Dato Dagang Mondok
132.	Sepang	Kg Salak Tengah	Jln Kg Salak Tengah
133.	Sepang	Kg Sg Merab Luar	Jln Surau Ummumiyah

- c) Senarai kawasan Program Penggantian Paip yang telah bermula pada tahun 2019 tetapi masih belum selesai dilaksanakan adalah seperti berikut:

No.	Hotspot	Wilayah	Status Terkini
1.	Pelabuhan Klang	Klang	Projek dalam pembinaan.
2.	Kg. Sg. Udang		Projek dalam pembinaan.

No.	Hotspot	Wilayah	Status Terkini
3.	Kg Tasek Permai	Gombak	Projek dalam pembinaan.
4.	Kaw Perusahaan Batu Caves		Projek dalam pembinaan.
5.	Tmn Hiew Piow	Hulu Langat	Projek dalam pembinaan.
6.	Country Heights 2		Projek dalam pembinaan.
7.	Jalan Cheras-Kajang		Projek dalam pembinaan.
8.	Hulu Langat Road		Projek dalam pembinaan.
9.	Jln Rincing Hilir		Projek dalam pembinaan.
10.	Jln Beranang		Projek dalam pembinaan.
11.	Jalan Sg Lui	Sepang	Projek dalam pembinaan.
12.	Taman Putra Perdana		Projek dalam pembinaan.
13.	Desa Pinggiran Putra		Projek dalam pembinaan.
14.	Tmn Pantai Sepang Putra	Kuala Lumpur	Projek dalam pembinaan.
15.	Pumping Main Taman Segar		Projek dalam pembinaan.
16.	Pumping Main Bangsar Villa		Projek dalam pembinaan.
17.	Jln Jintan Tmn Supreme		Projek dalam pembinaan.
18.	Pumping Main Sri Hartamas		Projek dalam pembinaan.
19.	Kg Seri Delima	Kuala Langat	Projek dalam pembinaan.
20.	Kg Jenjarom		Projek dalam pembinaan.
21.	Kg Seri Cheding		Projek dalam pembinaan.

Kerja-kerja penggantian paip lewat disiapkan daripada jadual asal disebabkan oleh:

- i. Proses kelulusan permit yang panjang oleh Pihak Berkuasa Tempatan/ Jabatan Kerja Raya yang mana ada antaranya mengambil masa 2 hingga 5 bulan.
- ii. Selain itu, pihak kontraktor juga lewat menyediakan tenaga kerja dan jentera yang mencukupi selepas kelulusan permit berikutan pihak kontraktor tidak dapat menjangka tempoh kelulusan permit oleh pihak berkuasa dan telah mendahulukan projek lain yang telah diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PERMOHONAN BARU PROGRAM-PROGRAM IPR

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah banyak permohonan baru yang telah diterima sehingga sekarang untuk program Kasih Ibu Smart Selangor, Peduli Sihat dan Anak Istimewa Selangor (ANIS) mengikut DUN?
- b) Berapakah banyak pula permohonan yang telah diluluskan untuk setiap DUN?

JAWAPAN:

a) dan b)

Bagi Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), sebanyak 739 borang permohonan baharu telah diterima sehingga bulan Februari 2020. Daripada jumlah berkenaan, sejumlah 467 borang permohonan yang telah diluluskan buat masa ini dan semakan akan dilaksanakan secara berterusan sehingga memenuhi jumlah kuota yang telah ditetapkan.

Bagi Program Skim Peduli Sihat (SPS), sebanyak 59,727 permohonan baharu yang telah diterima sehingga Februari 2020. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 580 permohonan telah diluluskan manakala baki permohonan masih dalam semakan dan tindakan pihak pengendali.

Bagi permohonan program Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (AnIS) yang baharu sahaja dibuka pada 13 Februari 2020, data permohonan baru sehingga 29 Februari 2020 adalah sebanyak 2,160 permohonan. Setiap permohonan yang diterima akan disemak, diproses dan seterusnya dikemukakan kepada YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga untuk tindakan dan dipertimbangkan kelulusan. Sehingga kini, tiada permohonan yang berjaya diluluskan memandangkan buat masa ini pihak Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) selaku pengendali program masih di dalam proses menerima borang permohonan dan dokumen sokongan daripada pemohon.

Jadual di Lampiran A menunjukkan jumlah bilangan permohonan baharu yang diterima dan jumlah bilangan permohonan yang telah diluluskan bagi setiap program yang berkenaan adalah seperti berikut:-

LAMPIRAN A**RINGKASAN PERMOHONAN BARU PROGRAM-PROGRAM INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) TAHUN 2020**

Bil	DUN	PROGRAM KISS		PROGRAM SKIM PEDULI SIHAT		PROGRAM BANTUAN KHAS ANAK ISTIMEWA SELANGOR (AnIS)	
		Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan	Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan	Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan
1.	N01 Sungai Air Tawar	-	-	700	0	5	0
2.	N02 Sabak	-	-	700	0	6	0
3.	N03 Sungai Panjang	-	-	1,021	0	13	0
4.	N04 Sekinchan	21	8	700	0	6	0
5.	N05 Hulu Bernam	153	88	700	0	23	0
6.	N06 Kuala Kubu Baharu	60	58	700	0	14	0
7.	N07 Batang Kali	56	32	1,381	0	68	0
8.	N08 Sungai Burong	-	-	700	0	14	0
9.	N09 Permatang	-	-	700	0	9	0

Bil	DUN	PROGRAM KISS		PROGRAM SKIM PEDULI SIHAT		PROGRAM BANTUAN KHAS ANAK ISTIMEWA SELANGOR (AnIS)	
		Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan	Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan	Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan
10.	N10 Bukit Melawati	-	-	700	0	24	0
11.	N11 Ijok	-	-	700	0	21	0
12.	N12 Jeram	-	-	700	0	32	0
13.	N13 Kuang	-	-	700	0	52	0
14.	N14 Rawang	-	-	1381	0	80	0
15.	N15 Taman Templer	-	-	1021	0	30	0
16.	N16 Sungai Tua	108	82	1021	0	35	0
17.	N17 Gombak Setia	-	-	1381	134	54	0
18.	N18 Hulu Klang	-	-	1381	0	35	0
19.	N19 Bukit Antarabangsa	-	-	1381	0	21	0
20.	N20 Lembah Jaya	-	-	1381	0	35	0
21.	N21 Pandan Indah	-	-	780	20	31	0
22.	N22 Teratai	-	-	1030	20	19	0

Bil	DUN	PROGRAM KISS		PROGRAM SKIM PEDULI SIHAT		PROGRAM BANTUAN KHAS ANAK ISTIMEWA SELANGOR (AnIS)	
		Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan	Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan	Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan
23.	N23 Dusun Tua	-	-	1355	8	24	0
24.	N24 Semenyih	77	58	1381	0	47	0
25.	N25 Kajang	-	-	1690	0	134	0
26.	N26 Sungai Ramal	99	13	1381	0	64	0
27.	N27 Balakong	-	-	809	15	39	0
28.	N28 Seri Kembangan	-	-	1021	0	35	0
29.	N29 Seri Serdang	-	-	1381	0	57	0
30.	N30 Kinrara	-	-	1690	0	44	0
31.	N31 Subang Jaya	-	-	1249	57	75	0
32.	N32 Seri Setia	-	-	1381	0	43	0
33.	N33 Taman Medan	-	-	1021	0	50	0
34.	N34 Bukit Gasing	-	-	967	73	12	0
35.	N35 Kampung Tunku	-	-	443	23	9	0

Bil	DUN	PROGRAM KISS		PROGRAM SKIM PEDULI SIHAT		PROGRAM BANTUAN KHAS ANAK ISTIMEWA SELANGOR (AnIS)	
		Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan	Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan	Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan
36.	N36 Bandar Utama	16	4	558	53	15	0
37.	N37 Bukit Lanjan	-	-	1039	72	32	0
38.	N38 Paya Jaras	50	36	1021	0	85	0
39.	N39 Kota Damansara	-	-	1230	0	82	0
40.	N40 Kota Anggerik	-	-	1310	34	92	0
41.	N41 Batu Tiga	-	-	1381	0	44	0
42.	N42 Meru	42	99	1021	0	45	0
43.	N43 Sementa	-	-	1021	0	38	0
44.	N44 Selat Klang	-	-	804	41	31	0
45.	N45 Bandar Baru Klang	-	-	1381	0	9	0
46.	N46 Pelabuhan Klang	-	-	1021	0	37	0
47.	N47 Pandamaran	-	-	1381	0	17	0
48.	N48 Sentosa	-	-	1381	0	32	0

Bil	DUN	PROGRAM KISS		PROGRAM SKIM PEDULI SIHAT		PROGRAM BANTUAN KHAS ANAK ISTIMEWA SELANGOR (AnIS)	
		Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan	Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan	Bil. Permohonan Baharu	Bil. Permohonan Yang Telah Diluluskan
49.	N49 Sungai Kandis	-	-	1381	0	41	0
50.	N50 Kota Kemuning	-	-	1325	30	62	0
51.	N51 Sijanggang	-	-	1021	0	36	0
52.	N52 Banting	-	-	1021	0	46	0
53.	N53 Morib	-	-	1021	0	12	0
54.	N54 Tanjung Sepat	-	-	700	0	8	0
55.	N55 Dengkil	-	-	1381	0	102	0
56.	N56 Sungai Pelek	-	-	700	0	34	0
	JUMLAH KESELURUHAN	739	467	59,727	580	2,160	0
		[Sumber : Selcare Management Sdn Bhd]				[Sumber : Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)]	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PERUNTUKAN PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah banyak peruntukan telah diperuntukkan untuk tahun 2019 dan 2020 bagi program PTRS?
- b) Berikah pecahan kepada setiap satu kegunaan peruntukan untuk kedua-dua tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan bagi Program Tuisyen Rakyat tahun 2019 adalah sebanyak RM5.7 juta dan pada tahun 2020 anggaran peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM13 juta termasuk pakej makanan tengah hari kepada para pelajar. Keseluruhan peruntukan ini adalah sumbangan CSR daripada anak syarikat.
- b) Pecahan penggunaan peruntukan adalah seperti berikut:

PTRS tahun 2019

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Elaun Penyelaras	RM4,154,000.00
2.	Elaun guru	
3.	Modul PTRS	
4.	Premis	
5.	Papan tanda PTRS di sekolah-sekolah	RM784,000.00
6.	Program Pecutan Akhir	RM265,320.00
7.	Majlis Pelancaran PTRS	RM500,000.00

PTRS 2020

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Elaun Penyelaras peringkat sekolah, Daerah dan Negeri	RM549,200.00
2.	Elaun guru	RM4,525,000,000
3.	Nota	RM1,334,970.00
4.	Premis	RM1,052,200.00
5.	Pakej makan tengah hari	RM3,191,232.00
6.	Papan tanda PTRS di sekolah-sekolah	RM640,800.00
7	Pelancaran PTRS	RM458,598.00
8	Papan tanda	RM640,800.00
9.	Program Smart Larning	RM416,000.00
10	Program pecutan akhir	RM832,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM 13,000,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : BANGUNAN BARU MDKL/MPKL

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peratusan siap dan situasi terkini bangunan baru MDKL ini sehingga sekarang?
- b) Apakah keputusan dan arahan terkini daripada Kerajaan Negeri dan MDKL?

JAWAPAN:

- a) Status Kemajuan Fizikal

Perancangan : 100 %
Sebenar : 6.64%
Perbezaan : -91.46%
Jumlah Hari Lewat : 451 hari

MDKL telah meluluskan lanjutan tempoh masa pembinaan sebanyak 208 hari bermula 22 Januari 2020 dan Tarikh Siap baru pembinaan bangunan baru MDKL ialah pada 17 Ogos 2020.

- b) Arahan MDKL

Kedua-dua pihak telah diarah untuk membuat rekabentuk bagi pembaikan cerucuk iaitu pihak kontraktor HFM Daya Bina dan KH Zam Engineers.

1. Pihak HFM Daya Bina telah mengemukakan 2 rekabentuk:-

Cadangan	Kos	Catatan
Rekabentuk 1	RM7,508,275.00	Kos untuk cerucuk sahaja
Rekabentuk 2	RM13, 073,106.87	Kos termasuk <ul style="list-style-type: none">• Cerucuk• Sheet pile• Pile Cap• Strutting Work

2. Pihak KH Zam belum menghantar rekabentuk terperinci berdasarkan syor yang dikemukakan oleh pihak Terrain Resources.

Sebaliknya hanya menghantar anggaran kasar kos pembaikan cerucuk iaitu sebanyak RM27 juta dan memohon pihak MDKL untuk mengeluarkan surat arahan yang terperinci dan bersetuju untuk membayar fee perunding yang terlibat. Anggaran fee adalah sebanyak RM1.2 juta.

Pihak KH Zam mengesyorkan kepada pihak MDKL untuk mengekalkan penggunaan *spun pile* sepertimana rekabentuk asal bangunan dengan kos pembaikan dianggarkan sebanyak RM6,991,518.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR DI DUN PANDAMARAN

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan senarai projek tebatan yang akan dilaksanakan dan telah dilaksanakan di DUN Pandamaran dari tahun 2017 hingga 2020.
- b) Nyatakan tarikh projek mula dan tarikh siap serta kos-kos projek tersebut.

JAWAPAN:

a) dan b)

Senarai projek tebatan banjir yang akan dilaksanakan dan telah dilaksanakan di DUN Pandamaran dari tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TARIKH MULA / SIAP
1	Projek Tebatan Banjir di Pandamaran, Pelabuhan Klang, Daerah Klang	7.2 juta	21.11.2018 / 20.05.2020
2	Kerja-kerja Membina, Membekal, Memasang dan Mengujijaya Pintu Air, Kerja-kerja Elektrikal Serta Kerja-kerja Yang Lain Berkaitan di Pintu Air Jalan Papan, Daerah Klang	2.7 juta	04.05.2018 / 12.12.2019 Projek Siap

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : JEJANTAS JALAN LANGAT

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jejantas di depan HTAR, Jalan Langat mengalami kerosakkan bumbung yang teruk sudah dua tahun. Adakah Kerajaan berniat untuk memperbaiki atau menaiktaraf jejantas tersebut? Nyatakan tarikh permulaan kerja-kerja pembaikan jika ya.

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Klang telah melantik kontraktor bagi menyelenggara dan membaiki kerosakan bumbung jejantas tersebut. Tempoh kerja pembaikan adalah selama lebih kurang 2 bulan mulai 24.01.2020 dan dijangka siap pada 19.03.2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : YANG DIPERTUA MAJLIS BANDARAYA/ PERBANDARAN/ DAERAH

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Ada kemungkinankah Kerajaan Negeri dapat memilih orang tempatan untuk menjadi YDP PBT masing-masing?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK JKR DAERAH KLANG

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan peruntukan yang telah diluluskan kepada JKR Klang pada tahun 2020 mengikut:

a) Peruntukan dari Kerajaan Persekutuan

b) Peruntukan dari Kerajaan Negeri

JAWAPAN:

a) Peruntukan 2020 yang telah diluluskan oleh:

i. Kerajaan Persekutuan

Bil.	Program	Peruntukan (RM)
1.	Penyelenggaraan Jalan Persekutuan i. Berkala Pavemen ii. Berkala Bukan Pavemen	28,851,513.60 21,028,027.65
2.	Projek Pembangunan (P27)	4,048,506.12
	Jumlah Peruntukan	53,928,047.37

ii. Kerajaan Negeri

Bil.	Program	Peruntukan (RM)
1.	Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)	7,000,000.00
2.	Peruntukan Pembangunan Negeri (P12)	28,850,000.00
	Jumlah Peruntukan	35,850,000.00

Nota: Maklumat Peruntukan boleh dipohon secara rasmi kepada JKR Daerah Klang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : MASALAH INFRASTRUKTUR

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah keutamaan peruntukan diberikan kepada pembinaan jambatan di antara Sungai Pelek dan Bukit Pelandok?
- b) Apakah ada perancangan meningkatkan kemudahan pelancong seperti pentas terbuka, taman tema air di pantai Bagan Lalang? Mohon beri perhatian.

JAWAPAN:

- a) Projek membina jalan dan Jambatan Sungai Sepang bagi menghubungkan Kampung India Bukit Pelandok Port Dickson, Port Dickson dengan Bandar Sungai Pelek, Sepang Selangor adalah Projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KPLB yang diluluskan dalam Rolling Pelan 3, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Projek ini dalam peringkat reka bentuk dan peruntukan tahun 2020 adalah sebanyak RM100 ribu. Projek ini akan menjadi projek sambungan dalam RMKe-12.
- b) MP Sepang sedang dalam proses penyediaan *tourist centre*. Pada masa yang sama, pihak Majlis akan meneliti semula peruntukkan tanah yang ada serta akan bekerjasama dengan pihak Avani Sepang Gold Coast dan hotel di sekitarnya untuk penyediaan kawasan rekreasi/ aktiviti pantai.